

Andre sambar emas hatrik olahraga

ATLET olahraga Universiti Putra Malaysia (UPM), Andre Anura Anuar terus garang apabila berjaya meraih emas ketiganya pada Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2022 menerusi acara lompat kijang lelaki.

Dalam aksi di Stadium Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada Khamis, Andre mengesahkan kemenangan catatan sejauh 14.99 meter (m).

Pingat perak menjadi milik atlet UPSI, Muhammad Sunik Muslimin dengan catan 14.51m, manakala Muhammad Nafeez Akmal Zamri dari UPM melengkapkan podium di tempat ketiga (14.50m).

“Saya gembira dapat sumbang tiga emas dalam penampilan

pertama saya pada SUKIPT. Kalau ikutkan UPM sasarkan dua emas saja, tapi saya dapat bonus satu emas.

“Sebenarnya saya masih banyak lakukan kesilapan dan lompatan kedua saya turut batal dan itu yang perlu saya tambah baik lagi,” kata Andre.

Andre yang turut beraksi pada temasya Sukan Komanwel Birmingham 2022 baru-baru ini mahu mendedikasikan kejayaannya itu kepada UPM.

“Emas ini hadiah dan tanda terima kasih buat UPM kerana banyak membantu dalam karier sukan saya ketika ini,” ujarnya yang sebelum ini meraih emas acara 4x100m dan lompat jauh.



Andre ketika beraksi dalam acara lompat kijang SUKIPT 2022 di UPSI pada Khamis.